A

AZHAR CHE' SAN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
AHMAD NASFY YASIN H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42H-06-06-2014]
27 OKTOBER 2014

B

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Kesetimpalan – Rogol – Liwat – Dua kesalahan rogol dan satu kesalahan liwat – Pengakuan salah – 17 tahun penjara dan 12 sebatan bagi setiap kesalahan dengan hukuman berjalan secara berasingan – Sama ada setimpal dan memadai – Hukuman 36 sebatan rotan – Sama ada di luar batas undang-undang – Kanun Tatacara Jenayah s. 288*

C

Perayu, yang berumur 42 tahun pada waktu material, telah mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan ('Kanun') kerana merogol, dan satu kesalahan di bawah s. 377C Kanun kerana meliwat perempuan yang sama. Fakta menunjukkan bahawa kejadian rogol yang pertama dan liwat dilakukan dalam satu transaksi, iaitu di sebuah pondok di satu kawasan hutan, Mukim Teluk Bayor, Selama, Perak, manakala kejadian rogol kedua berlaku di sebuah kampung berdekatan, iaitu di rumah isteri kedua perayu, tidak lama selepas itu. Fakta juga menunjukkan bahawa dalam kejadian rogol dan liwat di hutan berkenaan, perayu telah memukul mangsa dengan teruk, antara lain dengan melempang, menendang dan menolak mangsa hingga mangsa jatuh berguling-guling ke bawah bukit. Mangsa juga telah dicekik dan ditarik rambutnya. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, setelah menimbangkan perlakuan ganas perayu, serta kecederaan-kecederaan yang dialami mangsa (melecet di dubur, lutut, betis dan bibir, lebam di paha, belakang, payu dara dll) telah menjatuhkan hukuman 17 tahun penjara dan 12 sebatan rotan bagi setiap kesalahan. Hakim juga memerintahkan supaya hukuman-hukuman berjalan secara berasingan – yang bermakna perayu akan menjalani hukuman penjara selama 51 tahun dan 36 sebatan rotan. Tidak berpuas hati, perayu merayu dan menghujahkan bahawa hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah terlalu berat, dan walau apapun, bahawa hukuman 36 sebatan yang diperintahkan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen adalah tidak sah dan di luar batas undang-undang.

D

E

F

G

Diputuskan (menolak rayuan):

H

(1) Perbuatan perayu ke atas mangsa adalah sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Perayu telah membuat perancangan awal dan telah memperdaya mangsa untuk melampiaskan nafsu binatangnya. Justeru, mahkamah tidak boleh menggunakan apa-apa budi bicara bagi menimbangkan kepentingan perayu, termasuk untuk memberi diskaun atas pengakuan bersalahnya. (perenggan 19 & 20)

I

(2) Perayu harus dipisahkan daripada masyarakat untuk tempoh yang lama, demi keadilan kepada mangsa dan masyarakat, dan demi memberikan pengajaran kepada perayu. Walaupun begitu, berdasarkan fakta,

hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen perlu diganggu termasuklah hukuman sebat yang melanggar s. 288 Kanun Tatacara Jenayah. (perenggan 21)

(3) Hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen digantikan dengan hukuman 18 tahun penjara dan 8 sebatan bagi setiap satu kesalahan rogol, manakala bagi kesalahan liwat, hukumannya adalah 20 tahun penjara dan lapan sebatan. Apapun, mengambilkira prinsip satu transaksi dan "subsidiary offence" hukaman 18 tahun penjara bagi kesalahan rogol pertama hendaklah berjalan serentak dengan hukuman 20 tahun penjara bagi kesalahan liwat. Ini bermakna perayu perlu menjalani hukuman penjara selama 38 tahun dan sebatan 24 rotan. (perenggan 22 – 24)

Kes-kes yang dirujuk:
Annantan Subramaniam v. PP [2007] 8 CLJ 1 HC ***(dirujuk)***
Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC ***(dirujuk)***
Ismail Rasid v. PP [1999] 4 CLJ 402 HC ***(dirujuk)***
Kesavan Baskaran v. PP [2008] 6 CLJ 390 CA ***(dirujuk)***
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1988] 1 MLJ 167 ***(dirujuk)***
PP v. Govindnan Chinden Nair [1998] 2 CLJ 370 HC ***(dirujuk)***
PP v. Prabu Veeramuthu & Ors [2009] 4 AMR 271 ***(dirujuk)***
PP v. Ravindran & Ors [1992] 1 LNS 47 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC ***(dirujuk)***
R v. Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***
Raja Izzuddin Shah v. PP [1978] 1 LNS 165 HC ***(dirujuk)***
Sau Soo Kim v. PP [1975] 1 LNS 158 FC ***(dirujuk)***
Tuan Mat Tuan Lonik v. PP [2009] 4 CLJ 638 CA ***(dirujuk)***
Wan Nazli Wan Jaafar v. PP [2014] 1 LNS 261 HC ***(dirujuk)***
Zaidon Shariff v. PP [1996] 4 CLJ 441 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 288
Penal Code, ss. 376(2), 377C

Bagi pihak perayu - Varpal; Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan
Bagi pihak responden - Ainul Wardah Shahidan; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Taiping; Rayuan Jenayah No: 42H-07-07-2014]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin H:

Pengenalan

[1] Tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Taiping atas tiga pertuduhan masing-masing dua di bawah s. 376(2) Kanun Keseksaan dengan rujukan kes 62JS-3-05-14 dan satu di bawah s. 377C Kanun Keseksaan dengan rujukan kes 62JS-4-05-14. Kes-kes tersebut telah dibicarakan secara "joint trial" di Mahkamah Sesyen Taiping.

A **Pertuduhan**

[2] Pertuduhan-pertuduhan dibacakan seperti berikut:

(i) Pertuduhan bagi kes 62JS-3-05/14

Pertuduhan Pertama

B Bahawa kamu pada 04/05/2014 jam diantara 0800 malam hingga 1100 malam bertempat disebuah pondok dalam hutan kawasan kampong Teluk Mas, Sungai Bayor di dalam Daerah Larut Matang (Selama), di dalam Negeri Perak telah melakukan rogol terhadap seorang perempuan nama Rohayati binti Mat Yahya K/P: 690722-02-5842 dengan memasukkan zakar kamu ke dalam kemaluannya. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan suatu kesalahan C yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 04/05/2014 dan 05/05/2014 jam di antara 1130 malam hingga 0200 pagi bertempat di Lot 693 Kampung Lubuk D Buaya, Sungai Bayor di dalam Daerah Larut Matang (Selama) di dalam Negeri Perak telah melakukan rogol terhadap seorang perempuan nama Rohayati binti Mat Yahya K/P: 690722-02-5842 dengan memasukkan zakar kamu ke dalam kemaluannya. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang E boleh dihukum di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan.

(ii) Pertuduhan bagi kes 62JS-4-05-14

Bahawa kamu, pada 4.5.2014 jam diantara 0800 malam hingga 1100 malam, bertempat di sebuah pondok dalam hutan kawasan kampong Teluk Mas, Sungai Bayor, di dalam Daerah Larut F Matang (Selama), di dalam Negeri Perak telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii tanpa kerelaan terhadap seorang perempuan nama Rohayati binti Mat Yahya K/P: 690722-02-5842 dengan memasukkan zakar kamu ke dalam duburnya dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 377C Kanun G Keseksaan

[3] Ketiga-tiga pertuduhan tersebut telah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh-tertuduh yang tidak diwakili peguam. Tertuduh yang memahami pertuduhan dan akibat pengakuan telah mengaku bersalah ke atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Seterusnya fakta kes dibacakan dan penandaan ekshibit H dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya. Tertuduh mengakui fakta dan ekshibit-ekshibit sebagai benar dan sabitan direkodkan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen ("Tuan HMS").

[4] Secara ringkasnya, selepas menimbang rayuan meringankan hukuman I oleh tertuduh dan hujah pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya, Tuan HMS telah menjatuhkan hukuman seperti berikut:

(i) Bagi kes 62JS-3-05-14

Pertuduhan Pertama - penjara 17 tahun dan 12 kali sebatan
Pertuduhan Kedua - penjara 17 tahun dan 12 kali sebatan

(ii) Bagi kes 62JS-4-05-14

Hukuman - penjara 17 tahun dan 12 kali sebatan. Hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut berjalan berasingan.

Rayuan

[5] Tertuduh tidak berpuas hati terhadap hukuman dan merayu supaya hukuman dikurangkan dan berjalan serentak. Manakala Timbalan Pendakwa Raya memfailkan rayuan silang atas hukuman yang tidak mencukupi. Di peringkat rayuan tertuduh diwakili oleh peguambela dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ("YBGK").

Fakta Kes

[6] Pada 4 Mei 2013 jam lebih kurang 6 petang semasa Rohayati binti Mat Yahya ("mangsa") berada di rumahnya di No. 5, Taman Sri Gading, Kuala Ketil, Kedah, telah didatangi oleh OKT dan memberitahu bahawa suami mangsa sakit dan hendak membawa mangsa melihat keadaan suaminya. Mangsa kemudiannya mengikuti OKT menaiki motosikal.

[7] OKT membawa mangsa ke sebuah pondok dalam hutan kawasan kampong Teluk Mas, Sungai Bayor, Selama, Perak pada jam lebih kurang 8.00 malam. OKT kemudiannya telah mengheret mangsa masuk ke dalam pondok tersebut dan sambil menjerit OKT memaksa mangsa membuka semua pakaiannya. Seterusnya OKT membuka pakaiannya dan memaksa mangsa menjilat kemaluannya sehingga keras. Selepas itu OKT memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa selama lebih kurang setengah (1/2) jam. Kemudian mencabut kembali kemaluannya tanpa mengeluarkan air mani. OKT sekali lagi memaksa mangsa menjilat kemaluannya sehingga keras dan memasukkan semula kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa.

[8] Selepas lebih kurang setengah (1/2) jam OKT mengeluarkan kemaluannya dari kemaluan mangsa tanpa mengeluarkan air mani dan memaksa mangsa menjilat kemaluannya sekali lagi sehingga keras. Kemudian OKT memaksa mangsa untuk menonggek dan memasukkan kemaluannya ke dalam lubang dubur mangsa. Akibat dari kesakitan, mangsa terus melawan dan cuba melarikan diri menaiki bukit namun beliau terjatuh menyebabkan mangsa diterkam oleh OKT. Mangsa dilempang di pipi kanan, di tendang di paha kiri berkali-kali dan menolak mangsa jatuh bergulingguling dari bukit. Kemudian mangsa dicekik dan rambutnya ditarik. Mangsa merayu berkali-kali supaya dikasihani dan berjanji mengikut segala arahan OKT kerana tidak tahan disakiti.

[9] OKT kemudiannya menarik mangsa masuk semula ke dalam pondok dan menyuruh mangsa minum air dalam tin disyaki air arak. OKT sekali lagi memaksa mangsa menjilat kemaluannya sehingga keras dan memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa. Kejadian berlaku berulang kali sehingga lebih kurang pukul 11 malam.

[10] Pada jam lebih kurang 11 malam, OKT telah membawa mangsa ke rumah isteri keduanya, Nilah binti Abdul Rahman di lot 693, Kampung Lubuk Buaya, Sungai Bayor, Selama, Perak. Ketika di rumah tersebut OKT telah memaksa mangsa menghisap kemaluannya dan menyuruh isterinya duduk di atas OKT sambil mangsa berbaring di sebelahnya. OKT kemudiannya memasukkan jari ke dalam kemaluan mangsa sambil bermain-main jari di dalam kemaluan mangsa. Seterusnya OKT menyuruh mangsa menjilat kemaluan OKT tetapi mangsa enggan kerana terdapat darah haid isterinya pada kemaluan OKT. OKT pergi membersihkan kemaluannya sebelum memaksa mangsa sekali lagi menjilat kemaluannya sehingga keras dan seterusnya memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa selama lebih kurang setengah (1/2) jam sehingga OKT memancutkan air maninya ke dalam kemaluan mangsa. Kejadian ini berlaku lebih kurang 2 pagi.

[11] Pada 5 Mei 2014 lebih kurang 12.30 tengahari mangsa telah dihantar pulang oleh isteri kedua OKT ke rumahnya di Kuala Ketil, Kedah. Mangsa terus memaklumkan kejadian rogol tersebut kepada suaminya yang berada di Perlis melalui telefon. Kemudian mangsa ke balai polis Kuala Ketil bersama anak perempuannya untuk membuat laporan polis Sg. Bayor 183/14.

[12] OKT telah ditahan sebagaimana Sg Bayor Repot 184/14 dan siasatan dijalankan oleh Insp. Firdaus bin Khalid.

[13] Mangsa dibawa ke hospital untuk pemeriksaan. Hasil pemeriksaan oleh doktor didapati tiada kesan koyakan pada kemaluan mangsa kerana faktor mangsa sudah berkahwin dan beberapa kali melahirkan anak tetapi terdapat kesan melecet di jam 9 sehingga 13 di lubang dubur pengadu. Pemeriksaan fizikal juga mendapati mangsa mengalami kecederaan luka lebam di kedua-dua belah paha, kesan lecet pada lutut, betis sebelah kiri dan kanan bahagian belakang juga lebam pada bahagian bibir mangsa. Pemeriksaan dalam mulut juga mendapati terdapat kesan kemerahan dalam kerongkong dan bibir melecet serta terdapat kesan lebam pada payu dara sebelah kanan dan puting payu dara bengkak dan kemerahan (laporan perubatan eks. P4).

[14] Dalam perbicaraan rayuan, mahkamah telah mendengar hujahan peguambela untuk peringanan hukuman dan hujahan Timbalan Pendakwa Raya untuk memberatkan hukuman.

[15] Secara ringkasnya, peguambela berhujah bahawa OKT harus diberikan diskaun hukuman atas pengakuan bersalahnya. OKT sekarang berumur 42 tahun. Jika dihitung ketiga-tiga hukuman tersebut, OKT akan berada di dalam penjara selama 51 tahun dan 36 sebatan. Hukuman yang diberikan oleh Tuan HMS adalah melampau tanpa mengimbangi antara kepentingan awam dan kepentingan OKT (rujuk kes *Tuan Mat Tuan Lonik v. PP* [2009] 4 CLJ 638), *Wan Nazli Wan Jaafar v. PP* [2014] 1 LNS 261, *Public Prosecutor v. Ravindran & Ors* [1992] 1 LNS 47; [1993] 1 MLJ 45). Justeru

Tuan HMS telah salah mengaplikasi prinsip hukuman. Seterusnya hukuman 36 kali sebatan yang dikenakan oleh Tuan HMS telah melanggar s. 288 Kanun Tatacara Jenayah iaitu melebihi 24 sebatan yang dibenarkan.

[16] Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa OKT mempunyai perancangan untuk merogol mangsa dengan membuat muslihat menyatakan suami mangsa sakit dan membawa mangsa melihat suaminya. Perbuatan OKT merogol, meliwat dan mencederakan mangsa serta memaksa meminum air arak dan seterusnya memaksa mangsa menjilat kemaluannya adalah suatu perbuatan yang kejam dan tiada perikemanusiaan. Mangsa juga dipaksa mengadakan hubungan seks di hadapan isteri kedua OKT dan menjilat kemaluan OKT. Akibat kejadian ini mangsa mengalami trauma yang amat sangat sehingga mengganggu kehidupan sehariannya. Kenyataan impak mangsa meminta OKT dijatuhi hukuman berat dan mangsa tidak akan ampunkan perbuatan OKT ke atasnya. Kes rogol hendaklah dibezakan dengan kes bunuh kerana dalam kes bunuh hanya keluarga yang mengalami kesedihan dan trauma tetapi dalam kes rogol mangsa sendiri mengalami trauma sepanjang hayatnya (rujuk kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1988] 1 MLJ 167). Dalam menjatuhkan hukuman kepentingan awam hendaklah diutama pengakuan salah oleh OKT bukanlah boleh dijadikan faktor mitigasi kerana fakta kes menunjukkan kesalahan yang dilakukannya sangat serius dan tempoh penjara yang lama dan berasingan wajar diberikan (rujuk kes *Public Prosecutor v. Govindnan Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370). Justeru, Timbalan Pendakwa Raya memohon hukuman penjara ditambah supaya ia akan menjadi pengajaran kepada OKT dan orang lain yang berhasrat melakukan kesalahan yang sama.

Keputusan Mahkamah

[17] Prinsip hukuman telah banyak dibincangkan dalam kes-kes terdahulu. Kes-kes klasik seperti *R v. Kenneth John Ball* [1951] 35 Cr App R 164, *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor* [1975] 1 LNS 158; [1975] 2 MLJ 134, *Bhandulananda Jayatilake v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 139; [1982] 1 MLJ 83 telah menetapkan suatu garis panduan sebelum sesuatu hukuman hendak dijatuhkan. Justeru mahkamah berpendapat bahawa prinsip hukuman tidak perlu lagi dibincangkan dalam kes ini.

[18] Mahkamah menimbangkan kedua-dua rayuan ini masing-masing oleh OKT dan Timbalan Pendakwa Raya dengan memberikan fokus kepada fakta kes dan keadaan sekeliling kesalahan ini dilakukan.

[19] Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguambela bahawa suatu diskaun atas hukuman secara otomatik wajar diberikan kepada OKT atas pengakuan bersalahnya. Walaupun pengakuan salah pada amnya boleh menjadi faktor peringanan hukuman namun pertimbangan harus mengambilkira fakta setiap kes (rujuk kes *Raja Izzuddin Shah v. Public Prosecutor* [1978] 1 LNS 165; [1979] 1 MLJ 270, *Zaidon Shariff v. Public Prosecutor* [1996] 4 CLJ 441, *Ismail Rasid v. PP* [1999] 4 CLJ 402, *Kesavan Baskaran v. PP* [2008] 6 CLJ 390; [2009] 1 AMR 709)

[20] Dalam kes ini mahkamah mendapati bahawa perbuatan OKT ke atas mangsa sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan. OKT telah membuat perancangan awal dan memperdaya mangsa semata-mata untuk melampiaskan nafsu binatangnya. Justeru, fakta kes tidak berpihak kepada OKT untuk mahkamah menggunakan budi bicaranya menimbangkan kepentingan peribadi OKT berbanding kepentingan awam dan kesakitan fizikal dan mental yang dialami oleh mangsa.

[21] Mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa keadilan diberikan kepada mangsa dan masyarakat. OKT harus dipisahkan dari masyarakat untuk tempoh yang lama supaya menjadi pengajaran kepadanya. Kenyataan impak mangsa juga meminta supaya OKT dikenakan hukuman penjara untuk suatu tempoh yang lama. Justeru mahkamah berpendapat hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan HMS harus diganggu termasuklah hukuman sebat yang melanggar s. 288 Kanun Tatacara Jenayah.

[22] Berdasarkan alasan-alasan di atas mahkamah memutuskan untuk membenarkan rayuan Timbalan Pendakwa Raya dan menolak rayuan OKT atas hukuman seperti berikut:

Kes 62JS-3-05-14

Pertuduhan Pertama:
Hukuman: 18 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 8 sebatan.

Pertuduhan Kedua:
Hukuman: 18 tahun penjara dan 8 sebatan

Kes 62JS-4-05-14
Hukuman 20 tahun penjara dan 8 sebatan.

Hukuman bagi pertuduhan pertama dalam kes 62JS-3-05-14 dan 62JS-4-05-14 berjalan serentak selama 20 tahun selepas OKT selesai menjalani hukuman bagi pertuduhan kedua kes 62JS-3-05-14.

[23] Mahkamah memutuskan supaya hukuman bagi pertuduhan pertama dalam kes 62JS-3-05-14 penjara selama 18 tahun dan pertuduhan dalam kes 62JS-4-05-14 penjara selama 20 tahun berjalan serentak kerana OKT disabitkan dengan "principal offence" dan "subsidiary offence" yang mana berlaku dalam satu transaksi (rujuk kes *Public Prosecutor v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645; [1985] 2 MLJ 414, *PP v. Prabu Veeramuthu & Ors* [2009] 4 AMR 271, *Annantan Subramaniam v. PP* [2007] 8 CLJ 1, *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor* [1975] 1 LNS 158; [1975] 2 MLJ 134).

[24] Sebagai rumusan, mahkamah berpendapat bahawa hukuman 38 tahun penjara dan 24 sebatan yang dikenakan ke atas OKT adalah setimpal memandangkan umur OKT sekarang 42 tahun.